

Mencederakan saudara, pekerja kontrak dipenjara dan disebat

SIBU: Seorang pekerja kontrak dijatuhi hukuman penjara lapan tahun berserta dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan saudaranya dengan menggunakan penyodok.

Tertuduh, Patan Jumpat, 36, dijatuhi hukuman itu setelah membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan hakim Musyiri Peet.

Mengikut pertuduhan, Patan didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan parah kepada saudaranya dengan menggunakan penyodok di sebuah bilik sewa di Jalan Lanang pada 28 Jun lalu, jam lebih kurang 7 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang mempe-

runtukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian pengadu telah melihat abangnya iaitu tertuduh bergaduh dengan seorang saudaranya selepas minum minuman keras bersama.

Kemudian berlaku salah faham antara tertuduh dan mangsa, di mana mangsa telah mengeluarkan kata-kata yang menyebabkan tertuduh marah.

Tertuduh kemudian memukul mangsa dengan penyodok menyebabkan mangsa cedera dan tidak sedarkan diri.

Mangsa yang mengalami kecederaan parah dimasukkan ke wad kecemasan hospital bagi mendapatkan



MENGAKU BERSALAH: Tertuduh (kiri) dibawa keluar dari lokap mahkamah setelah dijatuhi hukuman semalam.

rawatan.

Pendakwaan kes dikenalalukan oleh Timbalan Pen-

dakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.